

12 MAY 1996

Mahathir-Berlepas

PM BERLEPAS UNTUK LAWATAN KE JEPUN DAN AMERIKA

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berlepas untuk lawatan kerja ke Jepun dan Amerika Syarikat.

Beliau akan berada di Tokyo dari esok hingga 18 Mei sebelum meneruskan perjalanan ke Amerika Syarikat.

Di Jepun, Dr Mahathir antara lain akan berucap pada perhimpunan Persatuan Teleport Dunia di Pusat Pameran Antarabangsa Tokyo esok.

Beliau juga dijadual menyampaikan ucapan utama pada upacara penyampaian projek Koridor Multimedia Malaysia yang ditaja oleh Nippon Telegraph and Telephone Corporation.

Di Amerika Syarikat pula, Dr Mahathir akan menghadiri Dialog San Francisco peringkat tinggi selain menghadiri Mesyuarat Agung Peringkat Antarabangsa Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik ke-29 di Washington.

Dalam perjalanan pulang ke tanahair, Dr Mahathir akan singgah di Britain di mana beliau akan menemui para pelajar Malaysia yang menuntut di Universiti Surrey, London pada 22 Mei.

Dr Mahathir juga dijadual menemui Perdana Menteri Britain John Major pada hari keesokannya.

Yang turut berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah di Subang, dekat sini untuk mengucapkan selamat jalan ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar, Duta Besar Jepun ke Malaysia Issey Nomura dan Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, John R. Malott.

Dr Mahathir dijadual pulang ke tanahair pada 24 Mei. -- BERNAMA
AFY AKD